

# Sekarang masa sesuai hentikan tambahan ringgit

KUALA LUMPUR 16 Julai — Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) menyifatkan sekarang adalah masa yang sesuai untuk menghentikan tambahan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat kerana Malaysia kini berada pada kedudukan teguh.

Pengarah Eksekutifnya, Dr. Mohamed Ariff Abdul Kareem berkata, beliau menganggar ringgit pada masa ini dinilai rendah sebanyak 10 peratus.

“Pada pendapat saya, inilah masa yang terbaik untuk menamatkan tambahan kerana ringgit akan meningkat nilainya sekarang,” kata beliau.

Dr. Ariff menjawab soalan pemberita ketika ditemui pada Taklimat sehari Ekonomi Negara ke 18 anjuran MIER di sini, hari ini.

## Rendah

Ditanya sama ada penamatan tambahan ringgit akan tamat seiring dengan perletakan jawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, beliau berkata, ia tiada kena mengena.

Beliau mengakui bahawa dengan nilai ringgit yang rendah sekarang, ia telah membawa kesan positif kepada ekonomi kerana negara berupaya memberikan daya saing yang tinggi.

Sambil memberi contoh mata wang Yuan China yang dinilai rendah 20 peratus, beliau berkata, menyebabkan China memiliki kelebihan ‘tidak adil’ berbanding negara-negara lain.

“Tambahan ringgit juga telah membantu menangani beberapa kesan daripada nilai yuan yang rendah,” tambah beliau.

Bagaimanapun, Dr. Ariff, berpendapat pada masa ini tidak wujud tekanan untuk menghentikan tambahan ringgit dan keadaan itu dijangka berterusan untuk beberapa ketika.